

Headline	Sumbang tenaga solar untuk sumber elektrik		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Aug 2013	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	4	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	86 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 397
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,191



# Sumbang tenaga solar untuk sumber elektrik

**JITRA** - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menggalakkan orang ramai menyumbang tenaga boleh diperbaharui kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam usaha kerajaan menambah bekalan tenaga elektrik.

Timbalan Menteri berkenaan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, di negara ini orang ramai boleh menggunakan tenaga solar untuk dijual kepada TNB sekali gus dapat mengurangkan kos syarikat itu yang membeli gas dan arang batu dalam jangka masa panjang.

Beliau berkata, individu yang terlibat juga bukan sahaja dapat membantu kerajaan untuk menggunakan tenaga boleh diperbaharui malah turut memperoleh pendapatan sampingan hasil penjualan tenaga solar yang dibekalkan kepada TNB.

"Kalau di negara luar seperti di Eropah, mereka sudah guna tenaga solar dan kincir angin untuk dapatkan tenaga elektrik. Kita sekarang baru guna satu peratus tenaga tersebut dan mahu peratusannya meningkat dari semasa ke semasa," katanya pada majlis terbuka puasa bersama media Kedah di sini kelmarin.

Beliau berkata, sejak program itu dilancarkan dua tahun lepas, kira-kira 2,000 orang terlibat dalam program itu dan ia hanya tertumpu di Lembah Klang. - Bernama